

02/09/1997

Amanat PM cabaran kepada rakyat

KAMPUNG GAJAH, Isnin - Saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada rakyat sempena perayaan Hari Kebangsaan ke-40 disifatkan sebagai ingatan ikhlas demi masa depan generasi akan datang.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata ingatan itu menjadi cabaran kepada pemimpin dan rakyat.

Menurut beliau, amanat Perdana Menteri pendorong ke arah meneroka idea dan tanggapan baru dalam pelbagai bidang selaras perkembangan teknologi maklumat (IT), multimedia dan komunikasi canggih.

"Rakyat perlu bersemangat waja untuk menyahut cabaran yang dicetuskan oleh Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sukan rakyat di sini, hari ini.

(END)